

## SOALAN NO : 35

Sehingga kini, sebanyak 7 buah menara komunikasi baharu telah dibina dan diaktifkan di Parlimen Limbang, manakala sebanyak 3 buah menara komunikasi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua 2017.

Selain itu, sebanyak 8 buah menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Limbang, manakala sebuah menara sedia ada sedang dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G.

Bagi kawasan Ulu Tubai, sebuah menara komunikasi telah siap dibina dan diaktifkan pada bulan Oktober 2016, manakala bagi kawasan Melaban, Lupak Rangan dan di persimpangan jalan persekutuan Batu Danau/Medamit, pihak SKMM sedang mengkaji keperluan dan kesesuaian lokasi-lokasi tersebut bagi pembinaan menara komunikasi baharu di bawah projek peluasan liputan jalur lebar di masa akan datang.